

## **HORMATI GURU MESKIPUN DENGAN CARA BERBEZA**

Oleh: Farah Azfarina binti Mohd Jaafar, 1171251

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

*Disiarkan pada 28 July 2020*



Saban hari, isu yang melibatkan akhlak dan adab pelajar tidak pernah surut. Ada sesetengah pelajar sewenang-wenangnya membantah dan bersikap kasar terhadap guru ketika diberi tugas.

Sebagai pelajar, mereka hendaklah mengetahui bahawa ada dua perkara penting yang perlu dijaga semasa menuntut ilmu, iaitu adab dan keberkatan ilmu demi mencapai kejayaan dalam hidup.

Pada tahun 2017, dunia akademik gempar apabila Kementerian Pendidikan mengeluarkan senarai yang mengandungi 402 sekolah menengah di seluruh negara yang dikategorikan sebagai sekolah panas.

Antara kesalahan yang dilakukan adalah ponteng sekolah, tingkah laku kurang sopan, vandalisme dan lain-lain.

Situasi serupa terjadi ketika saya masih di peringkat sekolah menengah di mana ada rakan saya yang berkelakuan kasar dan tidak baik terhadap guru kami sehingga mampu mencalarkan hatinya.

Sikap rakan saya itu menyebabkan guru tersebut menitikkan air mata lalu meninggalkan kelas kerana tergores dengan tingkah laku dan tutur kata pelajarinya.

Namun disebabkan ketabahan dan kegigihan beliau yang ingin mencurahkan ilmu, guru tersebut hadir ke kelas seperti biasa dengan senyuman yang meniti di bibir beliau.

Guru tersebut sempat lagi mengingatkan kepada kami agar terus berbuat baik kepada semua orang meskipun di antara kami ada yang pernah melukai beliau.



Selain itu, ada juga pelajar yang didenda oleh guru kerana tidak menyiapkan kerja sekolah atau tugas yang diberikan oleh guru.

Pada masa yang sama, guru tidak dibenarkan merotan, seperti yang disebut dalam garis panduan pengurusan disiplin dan kuasa merotan murid di dalam Peraturan 5, Ordinan Pelajaran 1957.

Perkara yang sama saya alami ketika belajar di universiti. Kadangkala saya berasa sangat tertekan apabila menerima tugas yang banyak setiap minggu.

Ia memberi tekanan kepada saya kerana saya mengambil subjek dalam jumlah yang banyak dan setiap subjek itu mempunyai tugas yang banyak juga.

Namun, dari sudut positifnya, situasi ini mengajar dan menyedarkan saya bahawa pengurusan masa itu sangat penting dan melatih saya untuk menguruskan sesuatu dengan baik apabila bekerja kelak.

Sangat menyedihkan apabila pada zaman moden ini, segelintir pelajar bersikap biadab dan tidak menghormati guru mereka.

Pada zaman dahulu, guru amat disanjung tinggi oleh masyarakat dan perakara ini dapat kita kaitkan dengan kisah Imam As-Syafie yang sangat menghormati gurunya.

Gurunya ialah seorang Arab Badwi yang datang dari kampung dalam keadaan yang tidak terurus. Namun Imam As-Syafie terus bangun dan menyambut kedatangan gurunya dengan penuh rasa hormat, sedangkan ketika itu beliau sedang mengajar dan dikelilingi ramai muridnya.

Jangan meletakkan sebarang label pada insan bergelar guru sehingga boleh menyinggung perasaan mereka.

Setiap guru mempunyai keistimewaan tersendiri. Oleh yang demikian, kita perlu mengambil peluang untuk mengaut sebanyak mungkin ilmu yang disampaikan oleh guru.